

# 150,000 warga nyanyuk

Jumlah pesakit dijangka meningkat 2030

>>Oleh Mohd Sabran Md Sani

sab@hmetro.com.my

**S**ERDANG: Dianggarkan lebih 150,000 orang menghadapi penyakit Alzheimer atau nyanyuk di negara ini dan jumlah berkenaan dijangka meningkat sekali ganda daripada tujuh kepada 15 peratus menjelang 2030.

Pengarah Institut Gerontologi (IG), Prof Dr Tengku Aizan Hamid berkata, mengambil perangkaan dikeluarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), negara ini juga sedang melalui proses penuaan penduduk.

“Sebagai sebuah negara membangun, negara ini tidak terkecuali untuk merasai penuaan penduduk terutama menjelang 2030. Sehubungan itu, banyak perkara yang kita perlu sediakan untuk menghadapi penuaan penduduk.

“Sama ada kita sedar ataupun tidak, pesakit Alzheimer akan bertambah dengan peningkatan usia penduduk di negara ini. Dijangkakan jumlah pesakit Alzheimer akan meningkat sekali ganda dan tempohnya 18 tahun lagi dari sekarang,” katanya ketika ditemui, semalam.

Beliau berkata demikian ketika hadir meraikan kejayaan empat penyelidik institut itu dalam menghasilkan teknologi inovasi dikenali Sistem Lokasi Semasa Alzheimer, sekali gus memantau pergerakan pesakit Alzheimer.

Beliau berkata, sebagai sebuah pusat penyelidikan yang mengkaji mengenai warga emas, IG perlu menyalurkan semua maklumat dikumpulkan kepada kerajaan, sekali gus membolehkan polisi bersesuaian dirangka mengikut keperluan dan kehendak.